

# Pengurusan tertinggi percaya arahan Jho Low datang daripada Najib

Bukti tunjukkan ahli perniagaan bertindak sebagai proksi kepada tertuduh

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pengurusan tertinggi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mengikut arahan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low kerana mereka percaya setiap arahan itu datang daripada Datuk Seri Najib Razak, kata Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah, yang kini Hakim Mahkamah Persekutuan berkata adalah sesuatu yang melangkaui batasan imaginasi untuk beranggapan pengurusan tertinggi menimbang arahan Jho Low berkaitan urusan 1MDB yang membabitkan jumlah dana yang amat besar (kecuali) jika mereka benar-benar percaya Jho Low bertindak atas arahan tertuduh.

Atau, katanya, mereka melaksanakan apa jua arahan yang diberikan oleh Jho Low dengan kepercayaan tulen bahawa arahan itu sebenarnya datang daripada Najib yang ketika itu Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Sequerah bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi bagi mendengar kes berkait 1MDB.

"Hakikat bahawa Najib dan Jho Low saling mengenali juga

bukanlah suatu kebetulan semata-mata. Terdapat bukti hubungan mereka melalui gambar yang diambil ketika percutian," katanya

Sequerah berkata, mahkamah menerima keterangan saksi pendakwaan, termasuk pengurusan tertinggi 1MDB dan saksi lain seperti bekas Ketua Perkhidmatan Pengurusan Dana Bank BSI (Singapura), Kevin Michael Swampillai dan memutuskan bahawa keterangan mereka boleh diterima.

Hakim berkata, mahkamah tidak menerima hujahan pembelaan bahawa keterangan itu bersifat dengar cakap kerana ia disokong oleh bukti dokumen.

"Semua saksi memberi keterangan bahawa arahan itu datang daripada tertuduh sendiri," katanya.

Beliau menambah, semua komunikasi itu boleh diterima sebagai keterangan walaupun saksi-saksi penting lain tidak dapat dikesan.

"Saksi-saksi berkenaan seperti Jho Low; bekas Ketua Pegawai Pelaburan 1MDB, Terence Geh dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif, Nik Faisal Ariff Kamil tidak dapat dikesan, manakala bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias telah meninggal dunia," katanya.

Pembelaan sebelum ini berhujah bahawa keterangan saksi pendakwaan yang mendakwa menerima arahan daripada Jho Low bagi pihak Najib adalah bersifat dengar cakap.

Bagaimanapun, Sequerah berkata, tiada alasan untuk beliau menyemak semula keputusannya selepas di pering-

kat pembelaan.

Hakim mendapati kredibiliti saksi pendakwaan kekal utuh walaupun disoal balas oleh pihak pembelaan yang mencabar pembabitkan Jho Low.

## Jho Low sebagai orang tengah

Menurut Sequerah, saksi pendakwaan termasuk bekas Peguam Kanan 1MDB, Jasmine Loo Ai Swan menunjukkan Jho Low bertindak sebagai orang tengah antara Najib dan 1MDB.

"Jho Low mengekalkan komunikasi dengan pegawai 1MDB dan menyampaikan arahan daripada tertuduh. Arahan daripada Jho Low berpunca daripada tertuduh, Jho Low adalah ejen kepada tertuduh.

"Meneliti *talking points* yang dikeluarkan Jho Low kepada pegawai 1MDB, ia adalah arahan rasmi yang menjadi panduan daripada Menteri Kewangan (ketika kes berkenaan).

"Ini bukan kenyataan remeh dan jelas termasuk dalam urusan perniagaan kerana ia disampaikan secara rutin antara saksi. Bukti menunjukkan hubungan bahawa Jho Low bertindak sebagai proksi kepada tertuduh," katanya.

Beliau berkata, saksi-saksi pendakwaan memberi keterangan bahawa e-mel, perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan dan arahan ahli perniagaan dalam buruan itu menjadi sebahagian yang penting dalam aliran kerja operasi 1MDB.

Katanya, ia kemudian membara kepada berlakunya transaksi utama seperti usaha sama Petro-Saudi, pemerolehan tenaga dan pengurusan dana.



Penyokong Najib berkumpul di pekarangan Istana Kehakiman Putrajaya, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Sequerah juga memutuskan empat tuduhan menyalahgunakan kedudukan untuk memperolehi suapan RM2.3 bilion dana 1MDB tidak menyebabkan prejudis terhadap Seri Najib.

Katanya keempat-empat pertuduhan berkenaan tidak kabur, tidak cacat atau bertindih di antara satu sama lain.

Sehubungan itu, Sequerah berkata, mahkamah menolak hujahan pembelaan bahawa tuduhan ke atas Najib adalah tidak jelas hingga menyebabkan tertuduh sukar untuk memahaminya dan menyediakan pembelaan.

Sequerah turut mendapati, hujahan pembelaan bahawa dana yang diterima adalah derma politik, tidak dapat diterima oleh mahkamah kerana wang terbabit dipindah terus ke dalam akaun peribadi bekas Presiden UMNO itu.

Sequerah berkata, pembelaan

tidak terjejas dalam perbicaraan kes itu kerana Najib diwakili pasukan peguam yang memahami sepenuhnya pertuduhan yang dihadapinya.

Katanya, ketika soal balas, Najib memahami pertuduhan salah guna kuasa yang dikenakan terhadapnya, selaras dengan Kanun Tatacara Jenayah dan Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Hakim itu berkata, hujahan pembelaan bahawa empat pertuduhan itu bersifat gabungan turut ditolak oleh mahkamah.

Beliau menjelaskan, bahawa mahkamah perlu menilai semua bukti di akhir kes pembelaan mengikut Seksyen 182A(1) Kanun Tatacara Jenayah bagi menentukan sama ada kes dibuktikan melampaui keraguan munasabah.